Menurutnya, peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan sekiranya sabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan atau syarikat.

Bagi bukan perbadanan atau individu, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/6/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PULAU PINANG | 24 |

# MAFI kemuka usul tolak projek PSR

**Kementerian itu juga akan buat usul tolak Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek tersebut**

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BAYAN LEPAS



FOTO: BERNAMA

Che Abdullah (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Unit Nelayan Sungai Batu, Zakaria Ismail mengenai masalah yang akan dihadapi para nelayan sekiranya Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) dijalankan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menolak kemungkinan mengemukakan cadangan agar kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi Projek Tambakan Pulau Pinang Selatan (PSR) ditolak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ada kemungkinan kementeriannya juga akan membuat usul kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk menolak Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek tersebut.

Menurutnya, perkara berkenaan adalah antara peranan dan tugas yang boleh diambil kementeriannya selepas melihat kepada kesan buruk projek tersebut terutamanya terhadap hasil pengeluaran ikan negara.

"Kemungkinan itu (meminta EMP tidak diluluskan) memang sentiasa ada. Kita akan lebih cuba meneliti apa-apa peranan dan tugas yang boleh kita laksanakan (dalam memastikan projek PSR dibatalkan)," katanya pada sidang akhbar di Pasar Nelayan Teluk Kumbar di sini pada Rabu.

Sebelum itu, beliau membuat tinjauan dan bertemu komuniti nelayan di Sungai Batu dan Teluk Kumbar bagi memperolehi maklum balas terhadap projek PSR itu.

Mengulas mengenai maklum balas Ketua Menteri, Chow Kon Yeow terhadap kenyataannya mengenai PSR sebelum ini, Che Abdullah berkata, sebagai pemimpin nombor satu Pulau Pinang, Kon Yeow sepatutnya melihat kesan PSR dengan skop yang lebih besar.

"Saya meneliti maklum balas Ketua Menteri sebelum ini antaranya akan menyediakan alur atau laluan kepada nelayan untuk ke laut sekiranya projek itu diteruskan. Isunya bukan pasal sediakan alur untuk laluan nelayan ke laut atau tidak.

"Saya tidak faham kenapa isu ini dibawa kepada perbincangan sangat kecil seperti itu, sedangkan kita melihat kepada kerosakan keseluruhan habitat perikanan, tentang nelayan yang hilang punca rezeki yang tidak akan terbayar dengan apa-apa nilai pampasan atau ex-gratia kerajaan negeri," katanya.

Tegas beliau, Kon Yeow sepatutnya melihat isu projek PSR dalam skop yang lebih besar iaitu kesan jangka panjang kepada nelayan dan habitat hidupan marin di kawasan yang akan ditambak.

"Saya difahamkan, projek ini akan mengancam 87 spesies hidupan laut antaranya bawal putih; bawal tambak; udang kaki merah; udang harimau dan udang putih. Semua spesies ini mendatangkan pulangan lumayan kepada nelayan.

"Selain itu, hasil pendaratan perikanan dari kawasan PSR dan kawasan yang bakal terkesan dengan projek itu juga dianggarkan sebanyak 13,418.11 tan setahun atau 24.5 peratus dari keseluruhan hasil pendaratan di Pulau Pinang," katanya.

## Pendaratan ikan di Pulau Pinang bernilai RM53.5 juta



Che Abdullah (kiri) meninjau bekalan ikan di sekitar Pelabuhan LKIM Batu Maung, Pulau Pinang pada Rabu.

BAYAN LEPAS – Pendaratan ikan di kompleks dan jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh negeri Pulau Pinang antara Januari sehingga Mei 2021 mencatat jumlah 15,776.74 tan metrik dengan nilai sebanyak RM53.5 juta.

Unit Komunikasi Korporat LKIM dalam kenyataan berkata, pendaratan ikan di Kompleks LKIM Batu Maung bagi tempoh yang sama ialah sebanyak 2,883.13 tan metrik dengan nilai RM20.5 juta.

"Bagi pendaratan ikan di seluruh Malaysia pula adalah 41,364.82 tan metrik dengan nilai RM164 juta pada tempoh sama," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dalam satu tinjauan di Pelabuhan LKIM Batu Maung, Pulau Pinang pada Rabu bagi melihat aktiviti bekalan makanan, pendaratan ikan dan rantaian pemasaran ikan.

Menurut kenyataan itu, bekalan ikan mencukupi terutama di negeri Pulau Pinang.

Tambah kenyataan itu, Datuk Che Abdullah Mat Nawi turut melawat sekitar pelabuhan dan kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selain meninjau aktiviti pendaratan ikan.

"LKIM sentiasa memainkan peranan penting dan berkesan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan.

"Kami memfokus pada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara dengan memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara terutama sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," tambah kenyataan terbabit.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Durian Malaysia terajui prajualan festival di China

## Import buah segar meningkat empat kali ganda kepada RM9.47b tahun lalu

**Beijing:** Durian Malaysia menerajui prajualan festival buah-buahan dan sayur-sayuran utama di China, sekali gus menunjukkan daya tarikannya yang tinggi.

Jualan paling laris pada 618 JD.com, acara beli-belah kedua terbesar di China selepas Singles' Day Alibaba, adalah durian Sultan dari Pahang, demikian menurut media tempatan yang memetik data dari e-dagang gergasi itu.

Jualan juga mengatasi aiskrim dan buah pic.

Dengan isinya yang lembut berkrim dan bau yang kuat, buah berduri itu semakin popular di China.

Import durian segar meningkat empat kali ganda kepada AS$2.3 bilion (RM9.47 bilion) tahun lalu daripada 2017, demikian mengikut perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ia mengatasi ceri untuk menjadi buah import nombor satu negara itu dari segi nilai pada 2019.

Walaupun 'DurioTourism', iaitu pelancong China mengunjungi ladang Malaysia kini dihentikan berikutan sekatan perjalanan, diplomasi durian masih utuh.

MAPC Sdn Bhd, pembekal durian terbesar di Malaysia yang mengeksport kira-kira 90 peratus buah ke China, menubuhkan tujuh pusat untuk mempromosikan variasi Musang King di bandar peringkat kedua dan ketiga China sejak beberapa tahun lalu.

Pengarah Eksekutifnya yang juga Presiden Persatuan Pengeksport Durian Malaysia, Sam Tan, berkata ia akan menambah 15 lagi pusat tahun ini untuk menarik lebih banyak pengguna dengan sampel percuma.

"Kurang 10 peratus penduduk China pernah merasai durian Malaysia," katanya.

Beliau berkata, dengan lebih banyak peladang menyertai industri itu, bekalan dijangka berkembang sekurang-kurangnya 50 peratus setahun.

Tidak seperti peladang Thailand yang memetik durian dari pokok pada usia matang 85 peratus untuk memanjangkan jangka masa penyimpanannya, peladang Malaysia biasanya menunggu buahnya matang dan jatuh ke tanah.

Ia mengehadkannya durian segar Malaysia dalam pasaran China, yang kini dikuasai Thailand.

Malaysia kebiasaannya mengeksport durian ke China hanya sebagai pulpa dan pes, namun mendapat kelulusan untuk mengeksport buah sejuk beku pada 2019.



Durian segar Malaysia terus mendapat permintaan tinggi di China.
(Foto Bloomberg)

Variasi premium seperti Sultan dan Musang King, buah matang memiliki reputasi berkualiti dan dicari oleh penggemar yang menganggapnya sebagai 'durian premium'.

Pasaran China menjadi sangat penting bagi penanam durian, terutama yang berada di zon tengah Semenanjung, kata Ahli Ekonomi Serantau Segi Enam Advisors, Khor Yu Leng.

Malaysia kini mungkin menguasai 15 hingga 25 peratus pasaran sejuk beku di China, walaupun buah segar masih menyumbang sekitar 95 peratus penjualan di sana, katanya.

"Menuai ketika durian gugur menjadi tradisi kami sejak 1950-an," kata Wilson Chang, peladang durian generasi kedua di Pahang.

"Keprihatinan utama kami adalah memastikan kualiti dan rasa. Sudah tentu permintaan untuk durian kami jauh melebihi bekalan," katanya.

## Pulau Pinang diminta lihat kesan jangka panjang PSR

**Bayan Lepas:** Kerajaan Pulau Pinang digesa melihat isu projek tambakan laut di perairan selatan (PSR) negeri ini dari segi kesan jangka panjang kepada nelayan dan habitat hidupan marin di kawasan yang akan ditambak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata ia berikutan projek terbabit akan mengancam 87 spesies hidupan laut.

Beliau berkata, antara spesies terancam ialah bawal putih, bawal tambak, udang kaki merah, udang harimau dan udang putih yang mendatangkan pulangan lumayan kepada nelayan.

Katanya, hasil pendaratan perikanan dari kawasan PSR yang akan terkesan dengan projek itu juga dianggarkan sebanyak 13,418.11 tan setahun atau 24.5 peratus daripada keseluruhan hasil pendaratan negeri Pulau Pinang.

"Saya meneliti maklum balas Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow sebelum ini khususnya mengenai penyediaan alur atau laluan kepada nelayan ke laut sekiranya projek itu diteruskan.

"Saya tidak faham kenapa isu ini dibawa kepada perbincangan sangat kecil seperti itu, sedangkan kita melihat kerosakan keseluruhan habitat perikanan, mengenai nelayan hilang punca rezeki yang tidak akan terbayar dengan apa-apa nilai pampasan atau ex-gratia kerajaan negeri," katanya selepas bertemu komuniti nelayan di Sungai Batu dan Teluk Kumbar, di sini, yang dijangka terjejas secara langsung dengan projek PSR.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 27 |

# Kasihani lah kami, projek jambatan jejas mata pencarian - nelayan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulia.com.my

**PONTIAN:** Kerja-kerja pembinaan sebuah jambatan berdekatan Sungai Chengkeh, Serkat di sini meresahkan kira-kira 60 nelayan dari tiga pangkalan nelayan yang khuatir boleh menjejaskan hasil tangkapan harian mereka.

Mendakwa tidak dimaklumkan mengenai pembinaan jambatan tersebut yang akan menyebabkan laluan keluar ke laut menjadi semakin cetek, mereka turut bimbang apabila air menjadi kotor dan tercemar.

Ketiga-tiga pangkalan nelayan tersebut adalah Pangkalan Nelayan Tanjung, Pangkalan Pak Andak dan Pangkalan Nelayan Surau yang menggunakan Sungai Chengkeh sebagai laluan utama untuk keluar pada setiap hari.

Nelayan, **Mohd. Said Samin**, 70, yang melakukan kegiatan menjala udang berkata, dia kini sudah resah kerana hasil tangkapan semakin kurang disebabkan masalah air yang kotor dan berkelodak di kawasan tersebut.

Katanya, pekerjaan sebagai nelayan sudah sebati dalam dirinya bagi mencari sedikit pendapatan harian walaupun kesemua anak telah bekerja tetapi perbelanjaan seharian perlu juga diusahakan sendiri selagi terdaya.



KERJA-KERJA pembinaan jambatan di Sungai Chengkeh yang didakwa oleh nelayan tempatan telah menjejaskan mata pencarian mereka di Serkat, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Menurutnya, jika sebelum ini dia mampu memperoleh pendapatan harian antara RM100 ke RM200, namun kini merudum kepada RM30 hingga RM40 sahaja sehari disebabkan berlakunya pencemaran air ekoran kerja-kerja penambakan dan sebagainya.

"Kasihanilah kami kerana ada dalam kalangan nelayan mempunyai tanggungan yang ramai termasuk yang masih bersekolah dan sudah tentu memerlukan perbelanjaan harian yang besar," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tambah Mohd. Said, dahulu mereka mampu menangkap antara enam ke tujuh kilogram udang sehari yang kini menjadi sejarah disebabkan pelbagai projek ekonomi yang dibangunkan di kawasan berdekatan.

Seorang lagi nelayan, **Pany Tukijan**, 68, turut meluahkan nasib yang sama kerana pendapatan yang diperoleh kini tidak berbaloi dengan usaha keluar seharian ke laut.

Dia yang 30 tahun menjadi nelayan sejak remaja berkata, kawasan Sungai Chengkeh sebelum ini kaya dengan ikan sembilang dan ikan siakap tetapi selepas pelbagai projek dijalankan, hasil laut itu tidak lagi kelihatan.

Katanya, walaupun anak-anak membantu tetapi untuk perbelanjaan seperti bayaran bil elektrik dan air perlu dijelaskan mengikut tempoh waktu dan pendapatan sebagai nelayan digunakan untuk membayarnya.

"Kami tidak menghalang pembangunan tersebut, tetapi pandang-pandang dan jenguklah kami yang masih menjadikan laut sebagai sumber pendapatan utama, biar pun sedikit tetapi ada tempat untuk kami mencari sesuap nasi," katanya.



MOHD. SAID SAMIN



PANY TUKIJAN

# Pemborong rancang jualan elak lambakan durian



MOHAMAT Muhaiyuddin Osman menunjukkan buah durian yang mula gugur di kawasan Selama semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

**LARUT:** Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ketika ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pemborong durian di sini terhadap kemungkinan berlaku lambakan di pasaran menjelang musim durian tidak lama lagi.

Pemborong bimbang sekatan pergerakan penuh ketika ini akan menyebabkan pasaran terhad dan berlaku lambakan raja buah itu.

Namun, pemborong sudah mula membuat rancangan untuk memasarkan raja buah di beberapa negeri bagi mengelakkan lambakan semasa PKP 3.0 ketika musim durian luruh dijangka dua minggu lagi di sekitar Selama, Ijok dan Batu Kurau.

Pemborong, **Mohamat Muhaiyuddin Osman**, 42, berkata, ketika ini buah durian sudah mula luruh tetapi belum begitu banyak.

Katanya, ketika ini dia sudah merancang untuk memastikan tidak berlaku lambakan durian akibat pasaran yang terhad berikutan PKP 3.0 apabila buahnya luruh dalam kuantiti yang banyak dijangka dua minggu lagi.

"Saya telah memohon permit rentas negeri bagi membolehkan saya menghantar buah durian ke negeri lain seperti Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui pemberita di Sungai Bayor, Selama sini semalam.

Selain itu dia juga memasarkan buah durian secara dalam talian menerusi media sosial Facebook atas nama 'Pemborong Buah Buahan Selama' baru-baru ini.

"Kami menggunakan media sosial sebagai medium pengiklanan agar penggemar durian mendapat maklumat mengenai harga serta masa dan tempat penghantaran raja buah ini," katanya.

Rakannya, **Asrul Affendi**, 40, berkata, mencari pasaran durian semasa PKP merupakan cabaran yang perlu diatasi oleh pemborong pada musim durian kali ini.

Katanya, dengan perancangan pemasaran yang mereka susun, masalah pasaran mungkin dapat diatasi dengan cara menyusun jadual penghantaran durian di kawasan berdekatan seperti Daerah Kerian dan Larut Matang Selama di Facebook.

"Kami juga turut merancang untuk menghantar buah durian ke kilang yang membuat aiskrim," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/6/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |



ORANG awam membeli sayur-sayuran ketika tinjauan di Pasar Besar Jalan Othman, semalam.

**CAMERON HIGHLANDS PKPD: BEKALAN SAYUR TERJEJAS**

# Terpaksa ambil dari Kuantan, JB

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kekurangan bekalan sayur-sayuran dari Cameron Highlands, Pahang susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan berkenaan menyebabkan segelintir pembekal terpaksa mendapatkan bekalan di kawasan lain.

Pembekal di Pasar Borong Kuala Lumpur yang hanya mahu dikenali sebagai Wai, 28, berkata, pihaknya mendapatkan bekalan sayur dari Kuantan, Pahang dan Johor Bahru, Johor ekoran kekurangan bekalan sayuran dari Cameron Highlands.

"Sejak Cameron Highlands ditutup disebabkan PKPD, kami kekurangan bekalan terung dan cili.

"Ia juga menyebabkan harga kedua-dua sayuran itu naik dari RM6 kepada RM8 sejak dua hari lalu," katanya di Pasar Borong Kuala Lumpur di sini, semalam.

Wai berkata, tidak semua harga sayuran meningkat kerana ada antara sayur yang dibekalkannya diperoleh dari kawasan lain.

"Saya lihat tidak ramai pembeli yang merungut mengenai kenaikan sayuran ini kerana mereka faham kenapa kami jual pada harga tinggi sejak beberapa hari lalu.

"Ada sayur-sayuran masih harga biasa kerana bekalan diperoleh dari kawasan lain," katanya.

Peniaga sayuran di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor, Norley Azura Ahmad, 52, berkata, ada sedikit kenaikan harga beberapa sayuran kerana kesukaran mendapatkan bekalan.

"Contohnya halia yang sebelum ini dijual pada harga RM10 sekilogram naik kepada RM12 sekilogram.

"Selain dari Cameron Highlands, saya juga mendapatkan bekalan daripada pemborong dari Ipoh, manakala bekalan halia pula diimport dari Indonesia," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Suriana Che Mat, 41, berkata, dia tidak berdepan masalah untuk mendapatkan bekalan sayur-sayuran kerana masih mudah didapati di kebanyakan tempat.

"Mudah nak cari sayur sekarang kerana banyak tempat yang jual. Dari segi kenaikan harga pula, saya rasa cili yang naik harga sejak beberapa hari ini berbanding sayuran lain.

"Saya sendiri tidak tahu apa sebab harga sayur sekarang naik, namun bagi saya harga sekarang masih dalam keadaan terkawal dan tidak terlalu mahal," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan harga sayur-sayuran di beberapa negeri dilaporkan naik selepas hasil pertanian dari tanah tinggi di Cameron Highlands tidak dapat dikeluarkan ekoran pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan bermula semalam hingga 27 Jun depan selepas 29 kes positif Covid-19 dikesan dalam tempoh dua minggu.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku gangguan bekalan sayur untuk pasaran dan rangkaian pasar tertentu susulan pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan.



NORLEY Azura (kiri) melayan pelanggannya. Suriana membeli sayur-sayuran di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/6/2021 | KOSMO | NEGARA | 5 |



**KERAJAAN membenarkan sektor pertanian beroperasi sepanjang PKP dan PKPD.** – GAMBAR HIASAN

# Sektor pertanian dibenar beroperasi di kawasan PKPD

**PETALING JAYA** – Kerajaan bersetuju membenarkan sektor pertanian serta rangkaiannya beroperasi termasuk di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, keputusan itu selaras dengan ketetapan yang meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya sebagai satu *essential services*.

Beliau berkata, keputusan itu juga membolehkan operasi pekebun di peringkat ladang serta pergerakan keluar masuk lori yang mengangkut hasil pertanian termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan dari kawasan PKPD di Cameron Highlands.

"Kita akan memastikan semua aktiviti sektor pertanian dan industri makanan tidak terjejas sepanjang pelaksanaan PKP dan termasuk PKPD demi kelangsungan rantaian bekalan makanan," katanya semalam.

Mengulas mengenai isu di Cameron Highlands, Ronald berkata, ia berlaku susulan masalah operasi di peringkat ladang, pembungkusan dan logistik di kawasan PKPD itu.

Katanya, pelaksanaan PKPD menyebabkan pengusaha-pengusaha sayur tidak dapat menjalankan aktiviti pertanian meliputi kawasan Lojing dan kawasan sekitarnya.

"Ini menyebabkan hasil pertanian sebanyak 500 tan metrik tidak dapat diedar keluar ke pasaran kerana pekerja tidak boleh ke ladang dan lori turut tidak dapat keluar dari kawasan PKPD," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | THE STAR | NATION | 7 |

# Agro activities get the nod

## Wee: Transportation of vegetables from areas under EMCO allowed

By CLARISSA CHUNG
and N. TRISHA
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The transportation of vegetables from areas under the enhanced movement control order such as Cameron Highlands to other parts of the country is allowed.

Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said the Cabinet agreed that agricultural workers such as farmers can continue tending to their produce and transporting them even if they are in areas subject to movement restrictions.

"The Cabinet has decided that these are essential services, and that vegetables and crops must be transported immediately to supply the whole of Malaysia.

"According to our guidelines, essential services should not be stopped at all, and we reaffirm that agricultural activities must be allowed, even in areas under the enhanced MCO.

"The supply of vegetables is essential, and if the lorries and trucks are not allowed in, or if workers cannot enter their farms, then we will face problems," he said at a press conference yesterday.

There was initial confusion over the matter as reports emerged that prices of vegetables from Cameron Highlands were expected to increase by 30% to 40% after several areas there were placed under the EMCO.



**Clearing the air:** Dr Wee said agricultural produce from enhanced MCO areas can still be transported out of those areas, so as to ensure the supply of the vegetables in the country will not be disrupted.

It was reported that the price increase was anticipated because of an immediate stop to production, with 12,000 foreign and local workers unable to leave their homes to get to work.

However, Dr Wee said that Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee had since spoken up on behalf of the farmers, while Home Minister Datuk Seri Hamzah Zainudin will ensure that enforcement officials are fully informed of the matter.

"In the past, the general principle was that you have to stop all activities in EMCO areas. But with the lockdown now, we need to make sure there is an adequate supply of vegetables.

"We know that Cameron Highlands supplies a lot of vegetables, not just to Malaysia, but to Singapore as well.

"Hence, if these crops cannot be transported out, we will face a shortage in supply," he said.

Kiandee had also said the confusion surrounding the movement of agricultural workers in EMCO localities has been resolved.

"The issues concerning the movement of agricultural workers in Cameron Highlands – at the farm, packaging and logistics stages – due to the EMCO, have been settled.

"The Cabinet has agreed to allow the agricultural sector and its supply chain to continue operating," he said in a tweet.

In **Balik Pulau**, Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said his ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), has been taking various actions to address the cause of possible price hikes.

"The ministry is well aware of the matter, and Fama is taking action to resolve the problem. We have received information about the price hike.

"With the country placed under lockdown, it is undeniable there will be problems in some areas and issues will arise.

"Our officers are stationed at various places and we will ensure that any problems along the whole chain, from the producers to the end-users, will be looked into and resolved from time to time," he said at a press conference after a working visit in Teluk Kumbar yesterday.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI MELAKA/ JOHOR | 27 |

# Maqis rampas 28 tan daging kerbau dari India

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 28 tan daging kerbau tanpa tulang dari India di Pelabuhan Pasir Gudang di sini pada Selasa.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, hasil pemeriksaan yang dilakukan anggotanya pada jam 5.40 petang, menemukan sebuah kontena muatan daging kerbau tanpa tulang dari India dianggarkan bernilai RM293,842.

"Pemeriksaan lanjut mendapati nombor *seal* pada kontena tidak sama seperti dinyatakan di dalam dokumen perkapalan (*bill of lading*) yang diikrar.

"Kesemua daging kerbau tanpa tulang itu dirampas untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 26 |

# Daging kerbau 28 tan dirampas

**PASIR GUDANG:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 28,008 kilogram daging kerbau tanpa tulang dari India bernilai RM293,842 di Pelabuhan Johor di sini kelmarin.

Pengarah Maqis negeri, Hizzuan Hasim berkata, rampasan dibuat selepas mendapati nombor 'seal' pada kontena yang membawa produk itu tidak sama seperti dinyatakan dalam dokumen ikrar.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 23 |

# 28 tan daging kerbau dari India dirampas

**Pasir Gudang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor merampas 28 tan daging kerbau tanpa tulang sejuk beku bernilai RM293,842 dari India kerana memalsukan dokumen pengangkutan barang.

Pengarah MAQIS Johor, Hizzuan Hasim, berkata ia susulan pemeriksaan dan penahanan sebuah kontena di Pelabuhan Johor, di sini pada jam 5.40 petang kelmarin.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati nombor *seal* pada kontena tidak sama seperti yang dinyatakan di dalam dokumen pengangkutan barang atau *bill of lading* yang diikrar.

Menurutnya, semua daging kerbau seberat 28,008 kilogram (kg) tanpa tulang berkenaan dirampas bagi tindakan lanjut.

Katanya, bekalan daging berkenaan dipercayai bagi pasaran tempatan.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

"MAQIS sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara.

"Ia bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.



*Pemeriksaan MAQIS Johor mendapati nombor 'seal' pada kontena tidak sama dalam dokumen pengangkutan barang diikrar.* (Foto ihsan MAQIS)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | KOSMO | NEGARA | 9 |

# 28 tan daging kerbau dari India dirampas

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri ini berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 28 tan daging kerbau sejuk beku dari India bernilai RM293,842 melalui Pelabuhan Johor, Pasir Gudang dekat sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, daging kerbau tanpa tulang itu dirampas selepas pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena pada pukul 5.40 petang.

Pemeriksaan mendapati nombor *seal* yang tertera pada kontena tidak sepadan dengan nombor yang dinyatakan di dalam dokumen pengangkutan barang yang diikrar.

"Bekalan daging yang dirampas dipercayai untuk pasaran tempatan.

"Oleh itu, kesemua bahan mentah seberat 28,008 kilogram (kg) tanpa tulang ini dirampas untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



**NOMBOR *seal* pada kontena yang membawa daging kerbau didapati tidak sepadan seperti yang diikrarkan dalam dokumen pengangkutan barang.**

Jelasnya, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran dengan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan merupakan satu kesalahan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara atau kedua-duanya.

"Pihak Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara.

"Langkah ini bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Lambakan durian tak sepatutnya berlaku

## Eksport durian cecah 1,000 tan sebulan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BATU KURAU

Lambakan buah durian seharusnya tidak wajar berlaku kerana negara masih belum dapat memenuhi permintaan eksport buah durian yang mencecah 1,000 tan metrik sebulan.



SAM

Presiden Persatuan Pengeksport-pengeksport Durian Malaysia, Sam Tan berkata, bekalan buah durian sedia ada sehingga kini hanya mampu memenuhi kira-kira 300 tan metrik durian sebulan khususnya eksport ke China.

"Selain China, kita turut mengeksport durian ke Hong Kong, Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah. Tetapi permintaan paling tinggi ketika ini di China kerana jumlah populasi yang ramai.

"Kita sudah tembusi pasaran China lebih sedekad. Ramai penduduk di China mengenali produk durian Malaysia seperti musang king, durian klon dan durian kampung yang jauh lebih baik daripada durian di negara lain," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Batu Kurau di sini.

Jelas Sam, selepas beberapa negara terutama China pulih daripada pandemik Covid-19, permintaan terhadap durian di negara ini meningkat.

Eksport durian melibatkan tiga jenis iaitu dalam bentuk buah asal, ulas dan pes isi durian mengikut jenis serta kualiti durian.

FOTO: MAPC



Durian yang dieksport akan dibekukan sebelum dihantar ke negara-negara mempunyai permintaan tinggi.

ISU LAMBAKAN DURIAN

"Bagi variasi seperti musang king, buah asal dan ulas dibekukan sebelum dieksport, manakala bagi jenis durian kampung, isi diambil kemudian dibekukan dijadikan pes untuk digunakan sebagai perisa makanan," jelasnya.

Menurut Sam, pihaknya peroleh bekalan buah durian daripada melalui peraih dan agensi seperti FAMA.

Bagaimanapun, beliau berharap untuk mendapat bekalan terus daripada petani atau agensi.

"Kalau boleh kita tak mahu libatkan orang tengah kerana apabila kilang beli pada harga tinggi, kita boleh beri manfaat kepada petani.

"Kita harap FAMA dan agensi berkaitan boleh beri senarai pekebun untuk kita terus dapatkan bekalan daripada mereka kerana ahli persatuan memang mahukan banyak bekalan untuk diproses, apatah lagi durian tidak boleh dapat setiap hari, kena tunggu musim," katanya.

Kata Sam, untuk eksport, harga di kilang bagi sekilogram buah premium seperti musang king mencecah RM45, manakala bagi durian kampung pula sekitar RM6 bergantung kualiti.




Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

## Jualan di Shopee dan media sosial atasi masalah lambakan durian

BATU KURAU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menggunakan platform jualan dalam talian iaitu Shopee untuk memastikan tiada lambakan durian pada musim yang sedang bermula khususnya di Perak.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi FAMA, Mohamad Mustahapa Awang berkata, penganjuran jualan dalam talian e-Durian Festival di e-FAMA Place di platform Shopee akan bermula pada 20 hingga 30 Jun ini bagi durian di Pulau Pinang.




Buah durian kini boleh dibeli orang ramai di Shopee atau media sosial.

Menurutnya, daripada 14 Julai hingga 1 Ogos pula, jualan di platform sama bagi durian di negeri Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Selangor.

"Ia merupakan salah satu usaha dilakukan FAMA dalam membantu mengatur pasaran durian di negara ini bagi mengelak berlaku lambakan buah-buahan berkenaan sepanjang musim yang sedang berlangsung ketika ini.

"FAMA juga bekerjasama dengan kilang-kilang memproses durian ini. Daripada maklumat diperoleh, kilang memproses memerlukan bekalan.

"Buat masa ini masih belum lagi mencukupi untuk diproses," katanya kepada *Sinar Harian* selepas mengadakan lawatan di Pejabat FAMA Batu Kurau di sini pada Isnin.

Mohamad Mustahapa berkata, berikutan Sekatan Pergerakan Penuh masih berkuatkuasa ketika ini, FAMA juga mewujudkan 43 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang boleh digunakan untuk pemasaran durian.

Katanya, FAMA juga sedia memberi latihan kepada petani untuk memasarkan durian mereka secara langsung menerusi Facebook Shop, Facebook Market Place, YouTube, WhatsApp dan TikTok.



Mohamad Mustahapa meninjau Pusat Pemprosesan Durian FAMA di Pejabat FAMA Batu Kurau, Larut, Perak pada Isnin.



MOHAMAD MUSTAHAPA

Jelasnya, pengusaha dan pekebun yang ingin mempelajarinya boleh berhubung dengan FAMA berhampiran supaya mereka dapat memanfaatkan kemudahan teknologi semasa.

"Jadi, saya tidak nampak isu pemasaran durian ini akan memuncak sangat kerana kita ada outlet peruncitan FAMA.

"Kita ada kerjasama dengan kilang untuk memproses durian daripada pekebun dan pengusaha.

"FAMA sendiri ada kilang memproses dan kita galakkan usahawan pasarkan secara terus.

"Sekiranya pekebun berdepan masalah memasarkan durian, mereka boleh menghubungi Pusat Pengurusan Krisis (CMC) di FAMA negeri atau di pejabat FAMA berdekatan untuk mendaftar bagi mendapatkan khidmat bantuan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan pekebun durian untuk mempertingkatkan usaha penggredan, pembungkusan dan pelabelan produk buah-buahan berkenaan supaya boleh dijual pada harga lebih baik.

Difahamkan, pengeluaran durian di Perak pada tahun ini dianggarkan sebanyak 18,645 tan metrik.

Daerah yang akan mengalami pengeluaran durian yang tinggi di Perak ialah Larut Matang dan Selama sebanyak 7,466 tan metrik, diikuti Kuala Kangsar (3,115 tan metrik) dan Batang Padang (2,223 tan metrik).

Durian di Perak dijangka gugur bermula pertengahan Jun dan berakhir pada Oktober secara berperingkat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 26 |

# Tanam padi di kawasan MADA hampir selesai

## 332,010 beg benih padi sah sudah diagih kepada pesawah

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my



*Ahmad Tarmizi (kiri) meninjau kerja penanaman padi musim 1/2021 di Kampung Kubang Teduh, Jitra, semalam.*
(Foto ihsan MADA)

**Alor Setar:** Kerja menanam padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 100,685 hektar sudah menghampiri 94 peratus siap dengan 332,010 beg benih padi sah (BPS) sudah diagih kepada pesawah.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata kerja penanaman padi berjalan lancar, walaupun ketika sekatan pergerakan penuh kerana aktiviti itu diklasifikasi sebagai perkhidmatan perlu bagi menjamin rantaian makanan negara.

"Sehingga kelmarin (14 Jun), MADA sudah mengeluarkan 8,476 surat kebenaran menjalankan aktiviti rantaian pengeluaran makanan kepada peladang, pembekal perkhidmatan dan usahawan menerusi 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA.

"Sebanyak 332,010 beg BPS juga sudah dipasarkan melalui PPK MADA kepada peladang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Ahmad Tarmizi berkata, pihaknya juga meminta pesawah mengoptimumkan penggunaan air hujan untuk aktiviti penanaman dengan bekalan sokongan pengairan akan disalurkan empangan sekiranya perlu.

"Sehingga semalam (kelmarin), takungan air di Empangan Pedu berada pada paras 88.31 peratus, Empangan Muda pada paras 81.92 peratus dan Empangan Ahning pada paras 89.11 peratus. Jumlah takungan air tiga empangan ini secara keseluruhannya berada pada paras selesa.

"Dijangkakan aktiviti penuaian bagi musim 1/2021 akan bermula pada penghujung Julai dan dijangka selesai pada Oktober depan," katanya.

Beliau turut menasihatkan supaya peladang MADA sentiasa menjaga prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19.

Selain itu, katanya peladang juga disaran membuat pendaftaran untuk mendapatkan suntikan vaksin dan menghadiri janji temu vaksin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Sayur bendi Jamilah di pasaran Singapura

**KOTA TINGGI:** Pernah menjadi mangsa keganasan rumah tangga namun ia tidak mematahkan semangat seorang ibu tunggal di Felda Lok Heng Timur, di sini untuk berjaya meskipun kini terpaksa 'bermain' dengan tanah.

Ibu kepada dua anak, Jamilah Md. Jamil, 37, berkata, dia bersyukur hasil sokongan dan dorongan ahli keluarganya, tanah hampir 40 hektar diusahakan dengan tanaman kontan seperti sayur bendi, sengkuang, pokok pisang dan serai.

Katanya, kebun di tanah Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diusahakan bersama bapa dan adik-beradiknya itu mula dibangunkan pada 2018.

"Selepas bercerai saya menetap di rumah keluarga, saya bertekad untuk buktikan boleh berjaya walaupun melalui pengalaman yang teruk dalam rumah tangga suatu ketika dahulu sehingga pernah menjadi mangsa pemiutang yang dibuat bekas suami. Bahkan saya juga terpaksa membuat laporan polis demi keselamatan anak-anak.



JAMILAH Md. Jamil mengutip buah sengkuang ketika ditemui di kebun ZPM Felda Lok Heng Timur, Kota Tinggi, Johor. - UTUSAN/MASTURAH SURADI

"Selepas berpisah, saya bekerja di syarikat yang berkaitan pertanian. Jadi daripada pengalaman itu sedikit sebanyak saya gunakan sebagai ilmu tambahan sepanjang menjadi petani sehinggalah kami boleh eksport sayur bendi ke Singapura," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Jamilah berkata, bapanya, Md. Jamil Yahya, 60, yang juga seorang petani menjadi tulang belakang kejayaannya dalam bidang itu.

"Apabila saya beritahu ayah mahu kerja kebun, dia seperti was-was namun tidak membantah bahkan menyokong dari belakang. Awalnya saya tanam bendi, dari semasa ke semasa kami lihat sasaran pasaran itu ada jadi daripada situ tanaman-tanaman lain pun kami perluaskan.

"Apa-apa sahaja pekerjaan pasti ada cabaran namun sebagai petani kami perlu cepat *move on* cari jalan penyelesaian dan jangan mudah putus asa.

"Alhamdulillah kami juga baru sahaja menandatangani perjanjian persefahaman dengan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang mahukan tanaman sengkuang. Kebanyakan pasaran kami adalah dalam Johor dan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), syukur kerana kami tidak terjejas," katanya.

Jamilah juga merupakan beliawanis Felda Lok Heng Timur yang disenaraikan sebagai usahawan jutawan Felda di atas usaha keras beliau dalam bidang pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Ibu tunggal bangkit semula selepas rumah tangga runtuh

# Anak peneroka kini usahawan tani

Oleh **MASTURAH SURADI**

**KOTA TINGGI** – Pernah menjadi mangsa keganasan rumah tangga, namun peristiwa pahit itu tidak mematahkan semangat seorang ibu tunggal di Felda Lok Heng Timur di sini untuk berjaya meskipun terpaksa bergelumang dengan tanah.

Ibu kepada dua anak, Jamilah Md. Jamil, 37, berkata, dia bersyukur hasil sokongan ahli keluarganya kini tanah hampir 40.469 hektar diusahakan untuk tanaman kontan antaranya sayur bendi, sengkuang, pokok pisang dan serai.

Katanya, kebun di tanah Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diusahakan bersama bapa, Md. Jamil Yahya, 60, dan adik-beradiknya itu mula dibangunkan pada tahun 2018.

"Selepas bercerai saya nekad untuk buktikan bahawa saya boleh berjaya walaupun melalui pengalaman tragis sehingga pernah menjadi mangsa pemiutang dibuat bekas suami.

"Pada awalnya memang agak kekok apabila terpaksa bekerja di bawah matahari terik bermain dengan tanah, malah ada yang mempertikaikan kudrat saya sebagai seorang wanita," katanya di sini baru-baru ini.

Jamilah berkata, pengalaman bekerja di sebuah syarikat berkaitan pertanian dijadikan panduan sehingga berjaya mengeksport sayur bendi ke Singapura.

Jelasnya, sepanjang empat tahun dalam bidang pertanian antara cabaran besar pernah dilalui ialah ketika pokok sengkuang ditanam di atas tanah seluas 4.047 hektar rosak.



JAMILAH (kanan) bersama Md Jamil (tengah) dan adiknya, Md. Noor menunjukkan tanaman sengkuang di Kota Tinggi, baru-baru ini.

"Sememangnya saya sangat kecewa, namun sebagai petani kita tidak boleh terlalu lama bersedih dan perlu bangkit segera mencari solusi untuk mengeluarkan hasil seterusnya," jelasnya.

Jamilah memberitahu, dia juga telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang berminat dengan tanaman sengkuang.

"Kebanyakan pasaran kami adalah dalam Johor juga sekitar kawasan felda. Meskipun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan syukur kerana kami tidak terjejas," katanya.

Jamilah juga disenaraikan sebagai usahawan jutawan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) atas usahanya dalam bidang pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/6/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

# Rugi cili jadi murah

## *Empat petani terpaksa sedekah tanaman kepada penduduk*

Oleh Rosman Shamsudin
am@hmetro.com.my



SAIFUDIN (tengah), Sambas (kanan) dan Habib menunjukkan cili yang masih muda.

> "Setiap minggu, kami belanja RM700 untuk kos baja, racun serangga selain upah buruh" — Saifudin

**Trolak**

Harga borong cili merah yang dikatakan rendah menyebabkan empat pesara yang mengusahakan tanaman berkenaan melalui kaedah fertigasi di Felda Jaya di sini, berdepan kerugian besar.

Sejak mengusahakan tanaman cili berkenaan Februari lalu, mereka mengatakan harga ditawarkan pemborong sekitar RM1.70 sehingga RM3 sekilogram.

Ia menyebabkan Saifudin Mohd Sirat, 56, Abu Hasan Ahmad, 61, Habib Sairi, 63, dan Sambas Palil, 63, keempat-empatnya pesara Felda hanya memperoleh hasil jualan kira-kira RM3,000 sepanjang mengusahakan tanaman berkenaan.

Saifudin berkata, sejak mengusahakan tanaman berkenaan, pemborong atau orang tengah sering memberi alasan lambakan cili merah di pasaran menyebabkan harganya merudum.

Katanya, mereka mengusahakan kira-kira 3,000 pokok cili merah di tanah seluas kira-kira 0.2 hektar.

Pada masa sama, katanya, setiap minggu, mereka membelanjakan RM700 untuk kos baja, racun serangga selain upah buruh.

"Setiap minggu, kira-kira 450 kilogram cili dituai dan bayangkan, jika pemborong membelinya pada harga maksimum RM3 sekilogram, berapa pendapatan yang kami peroleh selepas ditolak kos penjagaan mingguan.

"Bagaimana pula jika pemborong membelinya pada harga RM1.70 sekilogram, pasti lebih banyak kerugian yang kami tanggung," katanya ditemui semalam.

Habib pula berkata, adakalanya pemborong memberi alasan cili yang ditanam mereka bukan jenis Cili Kulai 461 sebaliknya ia cili minyak menyebabkan pemborong terpaksa membeli pada harga rendah.

"Memang tidak masuk akal kerana kami menggunakan benih Cili Kulai 461 seperti yang tertera pada bungkusan benih cili berkenaan.

"Ini antara alasan yang terpaksa kami telan sepanjang mengusahakan tanaman ini. Modal permulaan RM26,000 juga masih belum diperoleh," katanya.

Abu Hasan pula memaklumkan tinjauan dibuat di pasar berdekatan mendapati harga cili bersih yang dibayar pengguna antara RM10 hingga RM15 sekilogram.

"Apabila membandingkan harga yang kami jual pada pemborong menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dan kecewa.

"Untuk menjual secara terus kepada penjual di pasar agak sukar kerana paling tinggi, mereka hanya membeli kira-kira 10 kilogram saja," katanya.

Sementara itu, Sambas mendakwa, kejatuhan harga cili juga didorong oleh kemasukan cili import dan ia memberi kesan kepada harga cili yang diusahakan pekebun tempatan.

Katanya, dia berharap agensi berkaitan dapat mengambil inisiatif membantu pengusaha cili tempatan.

"Jika harga siling cili yang dijual kepada pemborong diselaraskan kepada RM8 hingga RM10 sekilogram, barulah pekebun tempatan dapat menarik nafas lega.

"Ketika ini, kami memang kecewa malah hampir putus asa. Ada cili yang kami sedekahkan saja kepada penduduk," katanya.

| Headline | Ka Siong : Farmers in Cameron Highland may continue operation usual | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 17 Jun 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 438 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,911 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,733 |



早前价格喊涨
今不必吃贵菜

魏家祥:全国放行甚至运往狮城



# EMCO 金马仑农活可运作

◆A2版

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ka Siong : Farmers in Cameron Highland may continue operation usual | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 17 Jun 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 438 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,911 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,733 |

金马仑多区落实强管令





魏家祥：为了确保蔬菜供应不受影响，内阁议决金马仑强管令区的农务可如常运作。

## 魏家祥：运载全国甚至狮城

# 金马仑农活可运作

**（吉隆坡16日讯）交通部长拿督斯里魏家祥指出，为了确保蔬菜供应不受影响，内阁议决金马仑加强行动管制令（EMCO）地区的农活可如常运作，包括运载农作物去到全国各地，甚至是去到新加坡都没问题。**

他今日（16日）在召开线上临时记者会上指出，为了让蔬菜供应不受影响，菜价不会暴涨加重人民的负担，收割后的蔬菜应该在第一时间要运送出来。

他说，已经得到内政部长拿督斯里韩沙再努丁的保证，部长也会把相关讯息下达警方以及其他执法单位，允许放行运载金马仑蔬菜的罗里或车辆，到其他地区。

"农业属于日常生活必需品，为避免供应链受影响，造成菜价飙升，加重人民负担，因此内阁才议决，金马仑的农活一切如常运作，当地农民必需遵守严格的防疫标准作业程序，继续一切农活。"

他表示，根据国家安全理事会指南，加强管制令的地区是不允许任何人出入，这是为了阻断病毒传播链，但基于蔬菜供应不能中断，因此，内阁才作出这样的决定。

"内阁决定一劳永逸解决问题，就是强管令地区的农业运送去其他地区都是通行无阻，就像金马仑蔬菜供应链一旦中断，就会影响供应，而且我们也不想看见菜价飙升，受苦的会是老百姓。"

据了解，国防部长依斯迈沙比里日前宣布，金马仑甘榜拉惹将于6月14至27日实施强管令，5个地区分别为双溪依甘、温谷、阳光花园（Taman Matahari Cerah）、百合花园（Taman Desa Corina）以及甘榜拉惹新村。

### 副农长：官员不断跟进问题

另一方面，针对金马仑蔬菜供应不足导致价格高涨问题，农业及食品工业部第二副部长拿督沙阿都拉表示，农业各部门都设有行动室，并有官员不断在跟进问题，以一直给予监督与观察，以确保问题过后能够获得解决。

"不止农业，其他行业领域也面对行管令影响，但农业是关键领域必须持续进行，以确保这些食物供应需求充足。"#

Powered by: isentia